



**MENEROKA PERSPEKTIF IBU BAPA
MENGENAI PERMASALAHAN BULI ANAK-
ANAK: PENDEKATAN *CONSTRUCTIVIST
GROUNDED THEORY***



NOR JUNAINAH BINTI MOHD ISA

UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS

2019





MENEROKA PERSPEKTIF IBU BAPA MENGENAI PERMASALAHAN BULI
ANAK-ANAK: PENDEKATAN *CONSTRUCTIVIST GROUNDED THEORY*

NOR JUNAINAH BINTI MOHD ISA



TESIS DIKEMUKAKAN BAGI MEMENUHI SYARAT UNTUK MEMPEROLEH
IJAZAH DOKTOR FALSAFAH (BIMBINGAN DAN KAUNSELING)

FAKULTI PEMBANGUNAN MANUSIA
UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS

2019





Sila Taipkan (✓):

Kertas Projek
Sarjana Penyelidikan
Sarjana Penyelidikan Dan Kerja Kursus
Doktor Falsafah

✓

INSTITUT PENGAJIAN SISWAZAH PERAKUAN KEASLIAN PENULISAN

Perakuan ini telah dibuat pada **20 SEPTEMBER 2019**

i. Perakuan pelajar :

Saya, **NOR JUNAINAH BINTI MOHD ISA, P20121000741, FAKULTI PEMBANGUNAN MANUSIA** dengan ini mengaku bahawa tesis yang bertajuk **MENEROKA PERSPEKTIF IBU BAPA MENGENAI PERMASALAHAN BULI ANAK-ANAK: PENDEKATAN CONSTRUCTIVIST GROUNDED THEORY** adalah hasil kerja saya sendiri. Saya tidak memplagiat dan apa-apa penggunaan mana-mana hasil kerja yang mengandungi hak cipta telah dilakukan secara urusan yang wajar dan bagi maksud yang dibenarkan dan apa-apa petikan, ekstrak, rujukan atau pengeluaran semula daripada atau kepada mana-mana hasil kerja yang mengandungi hak cipta telah dinyatakan dengan sejelasnya dan secukupnya.

Tandatangan pelajar

ii. Perakuan Penyelia:

Saya, **AHMAD JAZIMIN BIN JUSOH** dengan ini mengesahkan bahawa hasil kerja pelajar yang bertajuk **MENEROKA PERSPEKTIF IBU BAPA MENGENAI PERMASALAHAN BULI ANAK-ANAK: PENDEKATAN CONSTRUCTIVIST GROUNDED THEORY** dihasilkan oleh pelajar seperti nama di atas, dan telah diserahkan kepada Institut Pengajian Siswazah bagi memenuhi sepenuhnya syarat untuk memperoleh Ijazah **DOKTOR FALSAFAH (BIMBINGAN DAN KAUNSELING)**.

Tarikh

Tandatangan Penyelia





UNIVERSITI
PENDIDIKAN
SULTAN IDRIS

SULTAN IDRIS EDUCATION UNIVERSITY

**INSTITUT PENGAJIAN SISWAZAH /
INSTITUTE OF GRADUATE STUDIES**

UPSI/IPS-3/BO 31

Pind : 01 m/s: 1/1

**BORANG PENGESAHAN PENYERAHAN TESIS
DECLARATION OF THESIS FORM**

Tajuk / Title:

MENEROKA PERSPEKTIF IBU BAPA MENGENAI
PERMASALAHAN BULI ANAK-ANAK: PENDEKATAN
CONSTRUCTIVIST GROUNDED THEORY

No. Matrik / *Matric's No.*:

P20121000741

Saya / I :

NOR JUNAINAH BINTI MOHD ISA

mengaku membenarkan Tesis Doktor Falsafah ini disimpan di Universiti Pendidikan Sultan Idris (Perpustakaan Tuanku Bainun) dengan syarat-syarat kegunaan seperti berikut:-

acknowledged that my [Thesis/Dissertation/Project-Paper] is kept at Universiti Pendidikan Sultan Idris (Tuanku Bainun Library) and reserves the right as follows:-

1. Tesis ini adalah hak milik UPSI.
The thesis is the property of Universiti Pendidikan Sultan Idris
2. Perpustakaan Tuanku Bainun dibenarkan membuat salinan untuk tujuan rujukan dan penyelidikan.
Tuanku Bainun Library has the right to make copies for the purpose of research and research.
3. Perpustakaan dibenarkan membuat salinan Tesis ini sebagai bahan pertukaran antara Institusi Pengajian Tinggi.
The Library has the right to make copies of the thesis for academic exchange.
4. Sila tandakan (✓) bagi pilihan kategori di bawah / *Please tick (✓) for category below:-*

☐

SULIT/CONFIDENTIAL

Mengandungi maklumat yang berdarjah keselamatan atau kepentingan Malaysia seperti yang termaktub dalam Akta Rahsia Rasmi 1972. / *Contains confidential information under the Official Secret Act 1972*

☐

TERHAD/RESTRICTED

Mengandungi maklumat terhad yang telah ditentukan oleh organisasi/badan di mana penyelidikan ini dijalankan. / *Contains restricted information as specified by the organization where research was done.*

☐

TIDAK TERHAD / OPEN ACCESS

(Tandatangan Pelajar/ Signature)

Tarikh: _____

(Tandatangan Penyelia / *Signature of Supervisor*)
& (Nama & Cop Rasmi / *Name & Official Stamp*)

Catatan: Jika Tesis/Disertasi ini **SULIT @ TERHAD**, sila lampirkan surat daripada pihak berkuasa/organisasi berkenaan dengan menyatakan sekali sebab dan tempoh laporan ini perlu dikelaskan sebagai **SULIT** dan **TERHAD**.

Notes: If the thesis is CONFIDENTIAL or RESTRICTED, please attach with the letter from the organization with period and reasons for confidentiality or restriction.





PENGHARGAAN

Dengan nama Allah S.W.T. Yang Maha Pengasih lagi Maha Penyayang.

Maha Suci Allah. Tiada daya upaya dan kekuatan melainkan dengan pertolongan-Nya semata-mata. Selawat dan salam dipanjatkan ke atas junjungan besar Nabi Muhammad S.A.W. dan seluruh keluarga baginda. Sesungguhnya, Allah S.W.T. adalah sebaik-baik Perancang, Yang Maha Mengetahui dan Maha Bijaksana.

Sekalung penghargaan dan terima kasih saya ucapkan kepada Prof. Madya Dr. Ahmad Jazimin Jusoh, dan Prof. Madya Dr. Mahizer Hamzah kerana sudi memberikan sokongan sepanjang perjalanan PhD ini. Terima kasih yang tidak terhingga kepada Allahyarham Prof. Dr. Abdul Malek Abdul Rahman, semoga Allah S.W.T. mencucuri rahmat-Nya atas segala kepercayaan dan jasa baik yang diberikan.

Terima kasih kepada pihak Universiti Pendidikan Sultan Idris kerana menawarkan biasiswa. Terima kasih juga kepada staf-staf yang sudi menjadi sebahagian daripada kajian ini. Terima kasih kepada semua yang terlibat sama ada secara langsung mahupun tidak. Sesungguhnya setiap pertemuan itu ada rahsia yang tidak kita ketahui.

Kepada keluarga dan anak-anak tersayang, terima kasih atas sokongan dan pengorbanan yang dicurahkan.

Semoga kajian ini diberkati Allah S.W.T. dan memberi manfaat kepada agama, bangsa dan negara. Segala kebaikan datanginya daripada Allah S.W.T. dan yang buruk itu adalah kelemahan diri saya sebagai insan tidak sempurna.

Terima kasih. Assalamualaikum.



ABSTRAK

Kajian ini bertujuan untuk meneroka perspektif ibu bapa mengenai permasalahan buli anak-anak, khususnya di peringkat sekolah rendah. Reka bentuk *constructivist grounded theory* telah digunakan bagi menjawab persoalan tentang definisi yang ibu bapa berikan terhadap perlakuan buli, cara mereka mendepani permasalahan buli anak-anak, dan teori substantif yang dapat dibina daripada pengalaman tersebut. Melalui teknik temu bual separa berstruktur menggunakan vignette situasi hipotetikal, pengkaji telah menemui bual 29 orang peserta yang dipilih secara pensampelan bola salji. Berdasarkan analisis menggunakan pengekodan awal dan pengekodan terfokus yang diperkenalkan oleh Charmaz, didapati ibu bapa mentakrifkan buli sebagai perbuatan mengganggu atau menindas orang yang lebih lemah sehingga memberi kesan negatif terhadap mangsa sama ada secara fizikal atau psikologikal. Dapatan juga menunjukkan bahawa ibu bapa menggunakan pelbagai strategi seperti pendekatan berbentuk agresif, asertif, dan empati bagi menyelesaikan permasalahan buli yang dihadapi oleh anak-anak mereka. Dari segi pembinaan teori substantif, pengkaji menemui tujuh tema utama daripada data, iaitu pengalaman, pengetahuan, perspektif, nilai dan sikap, strategi menangani, serta hasil intervensi ibu bapa terhadap insiden buli. Hubungan kait antara setiap tema ini membentuk satu model yang pengkaji namakan sebagai Model Perspektif Ibu Bapa Mengenai Permasalahan Buli Anak-anak. Model ini mencadangkan satu proses berbentuk kitaran tentang bagaimana ibu bapa mentafsirkan perlakuan buli, seterusnya menterjemahkan cara pemikiran mereka melalui nilai, sikap dan perbuatan. Kesimpulannya, perspektif ibu bapa merupakan kunci utama terhadap strategi daya tindak permasalahan buli anak-anak. Implikasi kajian menunjukkan teori substantif dan model yang telah dibina memberi manfaat, khususnya kepada guru bimbingan dan kaunseling dalam melaksanakan program intervensi terhadap murid yang terlibat dengan permasalahan buli.





EXPLORING PARENTS' PERSPECTIVES ON BULLYING PROBLEMS AMONG CHILDREN: A CONSTRUCTIVIST GROUNDED THEORY APPROACH

ABSTRACT

This study aimed to explore the parents' perspectives on bullying problems among children, especially in elementary school. Constructivist grounded theory design was used to address research questions on parents' definitions about bullying, their strategies in handling bullied children, and the substantive theory that can be constructed from the experiences. The researcher used a semi-structured interview technique comprising of hypothetical situation vignettes to interview 29 participants selected through the snowballing technique. Based on the analyses using the initial coding and the focused coding introduced by Charmaz, it was found that parents defined bullying as an act of disturbing and oppressing another person who is considered to be vulnerable to the point that that person experiencing negative outcome either physically or psychologically. The findings showed that parents used a variety of strategies such as aggressive, assertive and empathic approaches in resolving bullying issues faced by their children. In terms of substantive theory construction, the researcher discovered seven key themes from the data which are experience, knowledge, perspective, values and attitudes, coping strategies, and the outcome of parental intervention on bullying incidents. The interconnectedness of these themes formed a model that the researcher has named as the Parental Perspective on Children Bullying Model. This model proposes a process in the form of a cycle about how parents interpret bullying behaviour, and how their thoughts are translated into values, attitude and action. As a conclusion, the key to the strategy to act on issues of bullied children is the parents' perspectives. The implication of this study is that the developed substantive theory and model are particularly beneficial for guidance and counseling teachers in implementing intervention programs for students affected by the bullying incidents.



KANDUNGAN

Muka Surat

PERAKUAN KEASLIAN PENULISAN	ii
BORANG PENGESAHAN PENYERAHAN TESIS	iii
PENGHARGAAN	iv
ABSTRAK	v
ABSTRACT	vi
KANDUNGAN	vii
SENARAI JADUAL	xv
SENARAI RAJAH	xvii
SENARAI SINGKATAN/ISTILAH	xx
SENARAI LAMPIRAN	xxi
 BAB 1 PENGENALAN	 1
 BAB 2 GROUNDED THEORY	
2.1 Pendahuluan	5
2.2 Tiga Aliran Utama dalam <i>Grounded Theory</i>	6
2.2.1 Sejarah Perkembangan <i>Grounded Theory</i>	7
2.2.2 Persamaan dan Perbezaan Aliran	10

2.2.2.1	Permulaan Kajian secara Induktif	11
2.2.2.2	Perbandingan Konstan	12
2.2.2.3	Penulisan Memo	12
2.2.2.4	Pensampelan Teoretikal	13
2.2.2.5	Ketepuan Teoretikal	14
2.2.2.6	Pegangan Falsafah	15
2.2.2.7	Peranan Pengkaji	18
2.2.2.8	Penggunaan Literatur	19
2.2.2.9	Prosedur Pengekoden	21
2.2.2.10	Kriteria Penilaian	24
2.2.3	<i>Constructivist Grounded Theory</i>	28
2.3	Aplikasi <i>Constructivist Grounded Theory</i> dalam Kajian	35
2.3.1	Latar Belakang dan Permasalahan Kajian	35
2.3.2	Tujuan Kajian	36
2.3.3	Soalan Kajian	36
2.3.4	Andaian dan Delimitasi Kajian	36
2.3.5	Definisi Istilah	37
2.3.5.1	Buli	37
2.3.5.2	Pembuli	37
2.3.5.3	Mangsa	38
2.3.5.4	Penyaksi	38

2.3.5.5	Buli Fizikal	38
2.3.5.6	Buli Isyarat	38
2.3.5.7	Buli Bahasa	38
2.3.5.8	Buli Perhubungan	39
2.3.5.9	Peras Ugut	39
2.3.5.10	Menangani	39
2.3.5.11	Strategi Daya Tindak	39
2.3.6	Sorotan Literatur	40
2.3.7	Dapatan Kajian	40
2.3.8	Perbincangan, Rumusan, Limitasi, Cadangan, dan Implikasi Kajian	40

BAB 3 KAEDAH KAJIAN

3.1	Pendahuluan	42
3.2	Pendekatan, Reka Bentuk dan Teknik Kajian	43
3.3	Peserta Kajian	45
3.4	Pengumpulan Data	46
3.4.1	Temu bual Intensif Separa Berstruktur	46
3.4.2	Vignet Situasi Hipotetikal	47
3.5	Analisis Data	51
3.6	Pertimbangan Etika	52

3.7	Kriteria Penilaian	53
3.8	Penutup	54

BAB 4 DAPATAN KAJIAN

4.1	Pendahuluan	55
4.2	Temu Bual dan Profil Peserta Kajian	56
4.3	Transkripsi Temu Bual	59
4.4	Pengekoden Awal	60
4.5	Pengekoden Terfokus	70
4.5.1	Pengalaman	72
4.5.1.1	Asas Didikan	72
4.5.2	Definisi Buli	75
4.5.2.1	Tingkah Laku Buli	75
4.5.2.2	Jenis Buli	81
4.5.2.3	Kriteria Buli	83
4.5.2.4	Tujuan Buli	87
4.5.3	Pencetus Buli	92
4.5.3.1	Ciri-ciri Pembuli	92
4.5.3.2	Ciri-ciri Mangsa	93
4.5.3.3	Konteks	95
4.5.4	Perspektif Buli	97
4.5.4.1	Normal	97

4.5.4.2	Bahaya	99
4.5.5	Nilai dan Sikap	102
4.5.5.1	Peranan	102
4.5.5.2	Sikap terhadap Guru	106
4.5.5.3	Sikap terhadap Sekolah	108
4.5.5.4	Sikap terhadap Intervensi	110
4.5.6	Strategi Menangani	112
4.5.6.1	Agresif	113
4.5.6.2	Asertif	115
4.5.6.3	Pasif	117
4.5.6.4	Empati	118
4.5.6.5	Dapatkan Pertolongan	121
4.5.6.6	Bimbingan	124
4.5.6.7	Elak Konfrontasi	127
4.5.6.8	Penyelesaian Masalah	129
4.5.7	Hasil Intervensi	131
4.6	Penulisan Memo	139
4.7	Refleksiviti Pengkaji	148
4.8	Penutup	149

BAB 5 PEMBINAAN TEORI

5.1	Pendahuluan	150
-----	-------------	-----

5.2	Pembentukan Tema	151
5.3	Hubungan antara Tema	153
5.4	Model Teoretikal	154
5.4.1	Insiden Buli	156
5.4.2	Pengalaman	156
5.4.3	Pengetahuan Buli	158
5.4.4	Perspektif Buli	159
5.4.5	Nilai dan Sikap	161
5.4.6	Strategi Menangani	164
5.4.7	Hasil Intervensi	168
5.5	Penutup	168

BAB 6 TINJAUAN LITERATUR DAN PERBINCANGAN

6.1	Pendahuluan	170
6.2	Fenomena Buli dalam Kalangan Murid Sekolah Rendah	171
6.2.1	Insiden Buli	173
6.2.2	Jenis dan Tingkah Laku Buli	178
6.2.3	Kriteria Buli	179
6.2.4	Tujuan Murid Membuli	180
6.2.5	Lokasi Buli	181
6.2.6	Kesan Buli	182
6.2.7	Ciri-ciri Pembuli	183

6.2.8 Ciri-ciri Mangsa	184
6.3 Sekolah dan Permasalahan Buli di Malaysia	184
6.4 Ibu Bapa dan Permasalahan Buli Anak-anak	200
6.4.1 Pengalaman	201
6.4.2 Pengetahuan Buli	204
6.4.3 Perspektif Buli	206
6.4.4 Nilai dan Sikap	208
6.4.5 Strategi Menangani	210
6.4.6 Hasil Intervensi	213
6.5 Rumusan Dapatan Tema Baharu	214
6.6 Penutup	214

BAB 7 RUMUSAN DAN REFLEKSI

7.1 Pendahuluan	215
7.2 Rumusan Kajian	216
7.3 Kualiti Kajian	217
7.3.1 Kredibiliti	218
7.3.1.1 Menemu Bual secara Mendalam	219
7.3.1.2 Merakam Temu Bual secara Audio	219
7.3.1.3 Memberi Kebenaran Menyemak Transkrip	219
7.3.1.4 Melebihi Jumlah Peserta	220
7.3.1.5 Berbincang dengan Penyelia	220

7.3.1.6	Berbincang dengan Pakar	221
7.3.1.7	Menjalankan Temu Bual Berkumpulan	221
7.3.1.8	Mencatat Memo	222
7.3.2	Keaslian	222
7.3.2.1	Pemilihan Kes	223
7.3.2.2	Pemilihan Metodologi	239
7.3.3	Resonans	241
7.3.4	Kebergunaan	246
7.3.4.1	Faedah terhadap Perkhidmatan Bimbingan dan Kaunseling Sekolah	247
7.3.4.2	Implikasi Model terhadap Bidang Intervensi Buli	248
7.3.4.3	Sumbangan terhadap Penghasilan Produk	250
7.3.4.4	Manfaat terhadap Bidang Penyelidikan Buli	251
7.3.4.5	Inovasi Metodologi dalam Bidang Penyelidikan Sains Sosial	252
7.4	Cabaran dan Limitasi	254
7.5	Cadangan Kajian Masa Depan	256
7.6	Penutup	257

RUJUKAN	258
----------------	-----

LAMPIRAN	283
-----------------	-----

SENARAI JADUAL

No. Jadual		Muka Surat
2.1	Perbezaan antara Classic GT, Straussian GT dan CGT	27
2.2	Constructivist Grounded Theory	34
4.1	Profil Peserta Kajian	58
4.2	Pengubahsuaian Kod Awal	63
4.3	Kod Awal dan Kategori Tentatif dalam Fasa Pengekoden Awal	65
4.4	Pengekoden Awal dan Pengekoden Terfokus	71
4.5	Kod Utama, Sub Kategori dan Kategori dalam Fasa Pengekoden Terfokus	134
5.1	Sub Kategori, Kategori dan Tema	152
6.1	Peratusan Murid Mengalami Buli Sekurang-kurangnya Sekali Sebulan	175
6.2	Standard Kandungan dan Standard Pembelajaran Pendidikan Kesihatan	189
6.3	Pengalaman Ibu Bapa Berdasarkan Kelompok Perspektif Buli	201
6.4	Pengetahuan Buli Ibu Bapa Berdasarkan Kelompok Perspektif Buli	204
6.5	Perspektif Ibu Bapa Mengenai Buli	206
6.6	Nilai dan Sikap Ibu Bapa Berdasarkan Kelompok Perspektif Buli	208
6.7	Strategi Menangani Buli Berdasarkan Kelompok Perspektif Buli	211
7.1	Senarai Kajian Buli di Malaysia	225

7.2 Persamaan dan Perbezaan Dapatan dengan Literatur

242

SENARAI RAJAH

No. Rajah	Muka Surat
2.1	Prosedur Kajian CGT 32
3.1	Vignet dan Soalan Separa Struktur 50
4.1	Pengekodan Tradisional 61
4.2	Pengekodan Menggunakan Microsoft Word 63
4.3	Asas Didikan 75
4.4	Tingkah Laku Buli 80
4.5	Jenis Buli 82
4.6	Kriteria Buli 87
4.7	Tujuan Buli 91
4.8	Ciri-ciri Pembuli 93
4.9	Ciri-ciri Mangsa 95
4.10	Konteks 96
4.11	Normal 99
4.12	Bahaya 101
4.13	Peranan 105
4.14	Sikap terhadap Guru 108
4.15	Sikap terhadap Sekolah 110
4.16	Sikap terhadap Intervensi 112

4.17	Agresif	115
4.18	Asertif	117
4.19	Pasif	118
4.20	Empati	121
4.21	Dapatkan Pertolongan	124
4.22	Bimbingan	127
4.23	Elak Konfrontasi	129
4.24	Penyelesaian Masalah	131
4.25	Hasil Intervensi	133
4.26	Memo Temu Bual 1	140
4.27	Memo Temu Bual 2	140
4.28	Memo Kes	141
4.29	Memo Konseptual	142
4.30	Memo Aktiviti: Perancangan Harian	143
4.31	Memo Aktiviti: Strategi Penyelidikan 1	144
4.32	Memo Aktiviti: Strategi Penyelidikan 2	144
4.33	Memo Aktiviti: Temu Janji Pakar	145
4.34	Memo Aktiviti: Pertemuan Pakar 1	146
4.35	Memo Aktiviti: Pertemuan Pakar 2	146

4.36	Memo secara Lakaran	147
5.1	Pengetahuan Buli	151
5.2	Hubungan antara Tema-tema	154
5.3	Model Perspektif Ibu Bapa Mengenai Permasalahan Buli Anak-anak	155
7.1	Model Perspektif Ibu Bapa Mengenai Permasalahan Buli Anak-anak	217



SENARAI SINGKATAN/ISTILAH

CGT	<i>Constructivist Grounded Theory</i>
GT	<i>Grounded Theory</i>
IPTA	Institut Pengajian Tinggi Awam
KSSR	Kurikulum Standard Sekolah Rendah
PJJ	Pendidikan Jarak Jauh
SPM	Sijil Pelajaran Malaysia
UPSI	Universiti Pendidikan Sultan Idris
UNICEF	<i>United Nations International Children's Emergency Fund</i>
Pengkaji	Kata ganti diri nama penyelidik kajian
pengkaji	Kata nama



SENARAI LAMPIRAN

Muka Surat

A	Persetujuan Termaklum	283
B	Profil Peserta Kajian	285
C	Vignet Situasi Hipotetikal	286
D	Soalan Temu Bual	287
E	Kesahan Vignet Hipotetikal (1)	290
F	Kesahan Vignet Hipotetikal (2)	293
G	Profil Peserta Kajian	296
H	Kod-Kod Terfokus	298
I	Sebahagian Data Pengekoden	300
J	Rujukan Pakar – Pengasas CGT (Prof. Kathy Charmaz) - 1	382
K	Rujukan Pakar – Pengasas CGT (Prof. Kathy Charmaz) - 2	384
L	Rujukan Pakar – Pengasas CGT (Prof. Kathy Charmaz) - 3	385



BAB 1

PENGENALAN



Hari pertama anak menjejakkan kaki ke alam persekolahan adalah satu momen yang mengujakan bagi kebanyakan ibu bapa. Apabila melihat anak memakai uniform sekolah, menggalas beg di bahu, serta menjinjit bekal di tangan, perasaan bangga serta gembira menyelinap ke dalam jiwa. Namun, hati ibu bapa kadangkala terusik serta diburu tanda tanya, “selamatkah anakku di sekolah?”

Tesis ini merupakan cetusan daripada kekecewaan dan kekeliruan seorang ibu terhadap “peristiwa hitam” yang dialami oleh anaknya.

Pada tahun 2012, anak perempuan sulung Pengkaji menjejakkan kaki ke sekolah rendah. Setiap hari, Pengkaji akan bertanya mengenai aktiviti yang dilalui sepanjang waktu persekolahan kerana bimbang sekiranya dia tidak boleh menyesuaikan diri dengan persekitaran baharu. Namun, dia tidak banyak berkongsi cerita kerana





personalitinya yang memang agak pendiam. Lantaran itu, Pengkaji membuat andaian bahawa dia tidak menghadapi sebarang masalah yang mungkin akan menggugat emosi dan pembelajarannya.

Walau bagaimanapun, pada pertengahan tahun guru kelas memaklumkan bahawa dia dibuli setiap hari. Pengkaji amat terkejut kerana tidak menyangka bahawa dia menjadi mangsa buli rakan sekelas. Tambahan pula, selama ini dia tidak pernah mempamerkan sesuatu yang pelik sama ada dari segi fizikal, emosi mahupun tingkah laku. Dia juga tidak pernah bercerita tentang rakannya itu. Apabila disoal, dia mengatakan bahawa seorang murid perempuan meminta wang daripadanya setiap kali habis waktu persekolahan. Kejadian ini berlaku di kantin, iaitu tempat di mana mereka menunggu untuk dijemput pulang oleh keluarga masing-masing. Selama beberapa bulan diperas ugut, anak Pengkaji tidak tahu bahawa perbuatan itu salah. Dia tidak sedar bahawa dirinya sedang dibuli. Dia juga tidak tahu bagaimana untuk memastikan perkara tersebut tidak berulang.

Insiden buli yang berlaku akhirnya diselesaikan oleh guru kelas dengan menghubungi ibu bapa murid (pembuli) terbabit. Namun, Pengkaji masih bimbang dengan keselamatan anak di sekolah. Pengkaji cuba berkongsi pengalaman dengan rakan-rakan untuk mendapatkan pandangan mereka tentang cara menyelesaikan permasalahan buli. Seorang rakan memberitahu bahawa dia meminta anak perempuannya menumbuk budak lelaki yang selalu mengusiknya di dalam kelas. Selepas ditumbuk, budak itu tidak mengganggunya lagi. Sebaliknya, seorang rakan menyatakan anaknya dipukul dengan teruk apabila cuba melawan semula. Selain mengalami kecederaan fizikal, emosi anaknya juga terjejas.





Berdasarkan penjelasan kedua-dua rakan ini, Pengkaji dapati mereka menggunakan pendekatan yang sama dalam menangani buli tetapi hasil yang diperolehi sangat berbeza. Begitu juga halnya dengan strategi yang dilakukan oleh rakan Pengkaji yang lain. Perkara ini mencetuskan persoalan di dalam diri Pengkaji. Apakah yang ibu bapa tahu tentang buli? Bagaimana pandangan dan sikap ibu bapa jika anak-anak terlibat sebagai pembuli, mangsa buli, atau saksi kejadian buli? Bagaimanakah ibu bapa boleh membantu anak-anak menghadapi situasi buli?

Tesis ini memberikan jawapan bagi setiap tanda tanya yang mendorong Pengkaji untuk menjalankan kajian berkaitan ibu bapa dan masalah buli anak-anak. Memandangkan kajian bukan bertujuan untuk membuktikan atau mengesahkan teori sedia ada, maka Pengkaji tidak membina sebarang andaian awal. Satu perkara yang Pengkaji titik beratkan adalah meneroka serta memahami pandangan ibu bapa terhadap buli dan cara-cara menanganinya. Justeru, Pengkaji memilih ibu bapa yang mempunyai anak di peringkat sekolah rendah sebagai peserta kajian. Pengkaji juga memilih kaedah *constructivist grounded theory* (CGT) sejajar dengan matlamat asal, iaitu meneroka pandangan ibu bapa.

Sebanyak tujuh bab dimuatkan dalam tesis ini. Bab 2 membincangkan serba sedikit mengenai CGT serta pengaplikasiannya dalam kajian. Bab 3 pula menjelaskan kaedah kajian meliputi reka bentuk, teknik, penganalisan data, serta pertimbangan etika. Dalam Bab 4, dapatan temu bual diinterpretasikan secara terperinci supaya teori substantif dan model teoretikal dapat dibina seperti yang dipaparkan pada Bab 5. Sebagaimana saranan metodologi CGT, tinjauan literatur ditulis dalam satu bab khas di akhir kajian. Justeru, Bab 6 membincangkan literatur yang berkaitan dengan dapatan





dan model teoretikal yang terhasil. Rumusan, kualiti, cabaran dan limitasi, serta cadangan kajian pula dihidangkan dalam Bab 7.

Sesungguhnya, tesis ini bermula dengan perasaan kecewa dan keliru, namun berakhir dengan sebuah senyuman dan harapan.

